

Perbetul pindaan Perlembagaan Persekutuan

MUAR 18 Jan. – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mengesyorkan beberapa pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat dahulu dapat diperbetulkan supaya mengikut keperluan semasa.

Baginda bertitah, Perlembagaan Persekutuan yang mula dikuatkuasakan sejak 1957 dengan berpaksikan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan terus menjadi sandaran kepada pemerintahan negara.

“Jika ada pindaan yang dibuat dahulu memberi kesan tidak baik pada hari ini, saya syorkan agar perkara ini diperbetul supaya dapat menjamin kedaulatan undang-undang terus dipelihara,” titah baginda semasa merasmikan Kompleks Mahkamah Muar di sini hari ini.

Keberangkatan Sultan Ibrahim diiringi Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said; Ketua Hakim Negara, Tun Raus Sharif dan Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli.

Sultan Ibrahim bertitah, bagi memastikan kestabilan negara terus kekal, sistem pengasingan kuasa antara tiga komponen utama kerajaan iaitu badan eksekutif, perundangan dan kehakiman mesti dipelihara.

“Tiga komponen utama itu mesti bebas, berhak untuk membuat keputusan terhadap bidang kuasa masing-masing dan tiada pihak yang memegang kuasa mutlak.

“Jika kuasa mentadbir, menggubal undang-undang dan menghakimi pertikaian terletak atas seseorang atau satu institusi sahaja, maka akan menggalakkan pemerintahan autokratik yang tiada periksa dan seimbang,” titah baginda.

Titah baginda, para hakim dan pegawai badan kehakiman adalah bebas tanpa campur tangan mana-mana pihak biarpun mereka bertanggungjawab

untuk memastikan suasana kehidupan rakyat berada dalam keadaan aman dan makmur.

“Raja juga tertakluk kepada undang-undang dan tidak boleh campur proses kehakiman. Saya percaya semua hakim berani buat keputusan adil dan saksama serta bertanggungjawab demi untuk menegak keadilan.

“Malah, saya juga percaya semua hakim bertindak sebaik mungkin serta tidak terpengaruh dengan kepentingan peribadi mahu pun politik,” titah baginda.

Baginda turut menasihatkan masyarakat untuk bersama-sama menghormati dan memelihara prinsip kebebasan badan kehakiman dengan tidak membuat tuduhan melulu atau tidak berasas.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/perbetul-pindaan-perlembagaan-persekutuan-1.592912#ixzz56l3B4ffp>

© Utusan Melayu (M) Bhd